



**Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd. (65351-M)**  
*(dahulu dikenali sebagai Golden Arches Restaurants Sdn. Bhd.)*

Licensee of McDonald's

Level 6, Bangunan TH Damansara Uptown 3,  
No. 3, Jalan SS21/39, 47400 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan

[www.mcdonalds.com.my](http://www.mcdonalds.com.my)



[Facebook.com/My.McDonalds](https://www.facebook.com/My.McDonalds)



# Mengenali McDonald's® Malaysia Jilid Ketiga

(Maklumat dikemaskini pada Mac 2017)

## Fakta-fakta HALAL



# Halal di McDonald's – Keperluan Anda, Keutamaan Kami

Assalamualaikum w.b.t,

Tahukah anda bahawa McDonald's merupakan Restoran Khidmat Segera pertama di Malaysia yang menerima pensijilan Halal daripada JAKIM pada awal 90-an? Semua bahan ramuan yang digunakan dalam penyediaan makanan kami disahkan 100% Halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau badan-badan pengiktirafan Halal dari luar negara yang diluluskan oleh JAKIM. Bagi kami, penyediaan makanan yang Halal bukan sahaja bertujuan mematuhi tuntutan agama bagi umat Islam di negara ini, tetapi ia turut dapat menjamin bahawa hidangan yang disajikan adalah bermutu tinggi.

Untuk memastikan komitmen Halal kami berterusan, Jabatan Hal Ehwal Halal dan Jawatankuasa Halal Dalaman McDonald's telah ditubuhkan terdiri daripada mereka yang berkelayakan. Jabatan serta jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai, meneliti dan memperhalusi standard Halal di McDonald's. Pada masa yang sama, kami akan pastikan setiap restoran McDonald's di Malaysia memperoleh pensijilan Halal dan memenuhi syarat-syarat Halal yang ditetapkan pada setiap masa.

Sudah lebih 30 tahun McDonald's Malaysia berpegang teguh kepada prinsip Halal dengan memastikan setiap hidangan yang disajikan menepati syarat dan tuntutan yang ditetapkan oleh hukum syarak. Amanah dan kepercayaan yang anda sandarkan kepada kami selama ini adalah tidak ternilai. Adalah tanggungjawab kami untuk menyempurnakan amanah ini dengan memastikan hidangan yang disediakan di restoran-restoran McDonald's di Malaysia adalah 100% Halal dan berkualiti, lantas boleh dinikmati dengan penuh yakin dan tanpa was-was.

**Azhar Darbi**

*Pengerusi Jawatankuasa Halal Dalaman  
McDonald's Malaysia*



## FAKTA-FAKTA RINGKAS TENTANG STATUS HALAL McDonald's Malaysia

McDonald's adalah **Restoran Khidmat Segera Pertama yang Menerima Pensijilan Halal** daripada JAKIM pada awal 90-an.

Kesemua makanan dan minuman yang dihidangkan oleh McDonald's Malaysia dijamin

**100% HALAL**

oleh JAKIM dan lain-lain badan Pensijilan Halal dari luar negara yang diluluskan oleh JAKIM.

**Jabatan Hal Ehwal Halal & Jawatankuasa Halal Dalaman**

McDonald's Malaysia telah ditubuhkan dengan matlamat memastikan bahawa kesemua standard Halal dipatuhi sepenuhnya.

**2 ORANG PAKAR SYARIAH**

dari luar telah dilantik sebagai penasihat syariah kepada Jawatankuasa Halal Dalaman ini.

Kakitangan kami diwajibkan mengambil **Suntikan Tifoid**

daripada pusat kesihatan yang diiktiraf oleh kerajaan sebelum bekerja di restoran.

Sekurang-kurangnya **dua pekerja Islam**

mesti ditugaskan di bahagian dapur bagi memenuhi syarat Halal.

Pembekal utama kami iaitu **MacFood Services**, turut mengeksport bahan makanan ke pasaran McDonald's di negara-negara Islam di Timur Tengah.

Mereka juga harus **menuruti kod etika pekerja dan amalan kebersihan** yang baik untuk memastikan syarat Halal dipatuhi.



# Pembekal Yang Diyakini



Pematuhan standard Halal kami bermula dengan para pembekal yang disahkan Halal. Sebelum kami memperkenalkan sebarang menu baru atau membuat perubahan kepada menu sedia ada, kami akan pastikan yang setiap bahan ramuan yang digunakan memiliki pensijilan Halal daripada JAKIM atau Badan Pengiktirafan Halal dari luar negara yang diluluskan oleh JAKIM. Ini melibatkan kesemua pembekal dari dalam dan luar negara.

Setiap langkah diawasi dengan rapi - dari ladang, pusat penyembelihan ke kilang pemprosesan, kesemuanya dipantau dengan teliti untuk memastikan pematuhan Halal seperti yang ditetapkan oleh JAKIM. Komitmen ini merupakan tanggungjawab bersama di antara kami dan para pembekal McDonald's.



## Pengedaran Dan Pemprosesan

Pembekal bahan protein McDonald's Malaysia iaitu MacFood Services Malaysia Sdn. Bhd. juga merupakan pembekal pasaran halal McDonald's di seluruh dunia. Setiap bekalan protein seperti kepingan daging burger dan *nugget* ayam, diproses mengikut syarat, kebersihan dan keselamatan yang telah ditetapkan oleh syarak.

Kawalan dan ujian piawai yang ketat dilakukan demi menjamin

pengeluaran produk yang berkualiti. Amalan-amalan ini juga dijalankan oleh kesemua pembekal kami yang lain seperti Coca-Cola dan Nestle untuk minuman, Dindings yang membekalkan daging ayam dan Aryzta untuk roti atau ban.

Syarikat pengedaran utama kami iaitu Martin Brower yang ditugaskan untuk menghantar bekalan ke restoran-restoran kami, turut memiliki pensijilan Halal daripada JAKIM.







# Kebersihan di McDonald's

Halal bukan saja merangkumi hal-hal berkaitan makanan malah termasuk kebersihan. Penting untuk kami memastikan setiap premis dan makanan serta minuman yang dihidangkan mencapai standard kebersihan yang tinggi.

JAKIM juga sentiasa menjalankan pemeriksaan berkala bagi memastikan pematuhan syarat-syarat Halal di tempat penyimpanan, penghidangan, pengendalian dan pembungkusan.

**Antara amalan-amalan kebersihan yang sentiasa dilaksanakan di restoran kami:**

## Kualiti dan Keselamatan Makanan

Keselamatan dan kesejahteraan para pelanggan merupakan keutamaan kami, dan kami sentiasa mematuhi amalan-amalan kualiti dan keselamatan makanan yang tertinggi dan dihasilkan mengikut syarat-syarat keperluan Halal yang ketat.

Setiap bahan makanan yang digunakan menjalani pemeriksaan keselamatan dan kualiti menyeluruh. Contohnya, para pembekal daging kami turut dianugerahkan Tanda Kesihatan Veterinar oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Ini bermakna mereka telah menepati segala peraturan pemeriksaan veterinar.

Kami turut memastikan pematuhan piawai-piawai lain seperti Supplier Quality Management System (SQMS) dan sistem Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP). Ini bermakna makanan kami sentiasa selamat untuk dimakan.

Kakitangan restoran kami juga dilatih untuk memastikan tahap keselamatan makanan dan langkah-langkah pengekalan kualiti dipatuhi. Senarai Semak Keselamatan Makanan yang memeriksa suhu makanan serta tarikh luput setiap produk turut dilengkapi setiap hari bagi memastikan aspek keselamatan makanan kami terjamin.

**Polisi Pembasuhan Tangan** sekurang-kurangnya sekali setiap satu jam. Setiap krew juga perlu membasuh tangan sebelum memulakan kerja dan setiap kali balik ke stesen penyediaan.



Stesen penyediaan akan dibersihkan sebelum menu sarapan pagi ditukar ke menu makan tengah hari.



Semua alatan kecil dibasuh dan dinyahkuman sekurang-kurangnya setiap 4 jam.



Lebih daripada 70 kain digunakan untuk mengelap dalam sehari.

Sarung tangan wajib dipakai semasa mengendalikan makanan.



Setiap makanan mentah dan yang telah dimasak tidak boleh bercampur bagi mengelakkan sebarang pencemaran silang.



# Halal & Hidangan di McDonald's

## SOALAN-SOALAN YANG SERING DIKEMUKAKAN



**S:** Benarkah dakwaan di media sosial bahawa sos McDonald's mengandungi bahan tidak Halal yang dikenali sebagai LM10?

**J:** **TIDAK BENAR.** Kesemua produk yang dihidangkan di restoran-restoran kami di Malaysia, termasuk sos-sos yang digunakan adalah dijamin 100% Halal oleh JAKIM serta badan-badan pensijilan Halal dari luar negara yang diluluskan oleh JAKIM. Bahan LM10 yang dimaksudkan tidak pernah digunakan dalam sebarang produk kami.



**S:** Benarkah dakwaan di media sosial bahawa kopi McDonald's mengandungi lemak khinzir?

**J:** **TIDAK BENAR.** Kesemua produk yang dihidangkan di restoran-restoran kami di Malaysia adalah dijamin 100% Halal oleh JAKIM serta badan-badan pensijilan Halal dari luar negara yang diluluskan oleh JAKIM. Kami juga mematuhi standard kualiti dan keselamatan makanan yang ketat bagi memastikan hidangan yang disajikan adalah bermutu tinggi.



**S:** Siapakah Penasihat Syariah McDonald's Malaysia?

**J:** McDonald's Malaysia mempunyai dua orang Penasihat Syariah luaran iaitu Ustaz Khairuddin bin Malik dan Profesor Madya Dr. Muhd Fauzi bin Mohamad. Mereka merupakan

penasihat-penasihat bebas yang dilantik oleh McDonald's Malaysia bagi tujuan membantu, menasihati dan memberi bimbingan kepada syarikat dan Jawatankuasa Halal Dalaman syarikat berkaitan dengan amalan dan proses Halal serta isu-isu yang melibatkan hukum syarak.

**S:** Benarkah dakwaan bahawa makanan McDonald's tidak mereput walaupun setelah disimpan bertahun-tahun?

**J:** Makanan McDonald's turut mereput sama seperti makanan yang anda sediakan di rumah. Bagaimanapun, perlu diingat bahawa mikroorganisma yang menyebabkan proses pereputan memerlukan bahan-bahan seperti kelembapan, nutrien, suhu yang bersesuaian dan masa untuk tumbuh. Jika salah satu atau lebih daripada elemen tersebut tidak wujud, bahan makanan itu tidak akan mereput dengan sebegitu cepat. Contohnya, jika tahap kelembapan adalah rendah, makanan itu akan lebih cepat menjadi kering dan lebih lambat mereput.



**S:** Saya pernah melihat video di mana lembu dimasukkan hidup-hidup ke dalam mesin untuk dikisar. Benarkah proses tersebut berlaku di McDonald's?

**J:** **TIDAK BENAR** sama sekali. Dakwaan itu adalah tidak munasabah dan video itu langsung tiada kaitan dengan McDonald's.





**S:** Benarkah Chicken McNuggets McDonald's yang diteliti menerusi mikroskop mengandungi bahan aneh yang menyerupai bulu-bulu halus?

**J:** Chicken McNuggets kami diperbuat daripada bahan-bahan berkualiti dan disediakan oleh para pembekal yang sentiasa mematuhi kesemua peraturan keselamatan makanan yang ditetapkan. Di Malaysia, Chicken McNuggets kami dibuat sepenuhnya daripada daging ayam (bahagian dada), tepung tempura rangup dan bahan perasa yang diluluskan.



**S:** Adakah roti burger McDonald's mengandungi bahan "azodicarbonamide" yang dikatakan turut digunakan dalam pembuatan tikar yoga?

**J:** Bahan "azodicarbonamide" tidak digunakan dalam pembuatan roti kami. Roti burger kami dibekalkan oleh pembekal tempatan yang sentiasa mematuhi syarat-syarat kualiti, keselamatan dan Halal yang ditetapkan.



**S:** Apakah peratusan bahan makanan yang McDonald's peroleh daripada pembekal tempatan?

**J:** 50% daripada bahan makanan McDonald's diperolehi daripada pembekal tempatan. Antaranya bekalan daging ayam, telur dan roti burger.



**S:** Benarkah dakwaan yang kononnya dibuat oleh seorang chef antarabangsa, Jamie Oliver, bahawa daging lembu McDonald's mengandungi bahan yang dikenali sebagai 'pink slime' atau 'ammonium hydroxide', yang dikatakan boleh memudaratkan kesihatan?

**J:** TIDAK BENAR. McDonald's Malaysia tidak pernah menggunakan bahan 'ammonium hydroxide' dalam kepingan daging yang digunakan. Malah, kepingan daging lembu kami diperbuat daripada 100% daging lembu. Bekalan daging lembu kami diimport dari Australia dan diperolehi daripada pembekal-pembekal yang diiktiraf Halal oleh JAKIM atau lain-lain Badan Pensijilan Halal dari luar negara yang diluluskan oleh JAKIM. Bekalan ini kemudiannya diproses menjadi kepingan daging oleh pembekal utama kami, MacFood Services di Subang Jaya. MacFood Services turut mengeksport hasil keluaran mereka ke pasaran McDonald's di negara-negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, Kuwait, Oman dan sebagainya.



**S:** Bagaimana saya boleh mendapatkan kepastian tentang status Halal McDonald's?

**J:** Anda boleh menghubungi Hab Halal JAKIM di talian 03 - 8892 5000 atau layari Portal Rasmi Halal Malaysia di [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my) bagi mendapatkan pengesahan tentang status Halal kami. Di samping itu, anda juga boleh menonton video tentang komitmen Halal McDonald's di laman web [www.mcdonalds.com.my](http://www.mcdonalds.com.my)